

Gelombang ketiga mungkin hingga awal tahun depan

Kes peringkat antarabangsa ambil masa lama capai tahap puncak

Oleh Muhammad Yusri Muzamir, Ahmad Suhael Adnan dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pakar kesihatan menjangkakan gelombang ketiga penularan COVID-19 di negara ini berlarutan hingga awal tahun depan, seiring peningkatan kes jangkitan di seluruh dunia.

Pakar perubatan kesihatan awam (epidemiologi), Dr Ahmad Zaid Fattah Azman, berkata ia berikutan pola jangkitan COVID-19 di peringkat antarabangsa juga mempamerkan tempoh mencapai tahap puncak yang semakin lama, berbanding gelombang pertama dan kedua.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Perubatan Universiti Putra Malaysia (UPM) menjelaskan, usaha untuk melandaikan lengkung COVID-19 bergantung kepada beberapa faktor.

“Jangkitan gelombang ketiga ini mungkin dapat dilandaikan menjelang awal tahun depan, bergantung sama ada vaksin dapat dihasilkan pada akhir tahun ini atau sebaliknya. Kes memang dijangka meningkat apabila kadar kebolehjangkitan semakin tinggi dan kerajaan perlu lebih agresif.

“Trend jangkitan kekal meningkat dan jika keadaan seperti ini berlarutan selama dua minggu lagi, sistem perkhidmatan hospital kita mungkin lumpuh,” katanya kepada *BH*, semalam.



Dr Ahmad Zaid Fattah Azman

Dalam pada itu, Dr Ahmad Zaid Fattah tidak menolak kemungkinan kegagalan mematuhi SOP juga akan mengakibatkan peningkatan mendadak jangkitan baharu COVID-19.

Katanya, orang ramai dinasihat supaya kekal mengamalkan gaya hidup berpandukan norma baharu berikutan pandemik COVID-19 dijangka berlarutan hingga akhir tahun depan atau 2022.

“Mungkin kita sebelum ini, tidak pernah mengalami pandemik bagi suatu jangka masa yang lama. Keadaan ini sekali gus mungkin mengakibatkan orang ramai fatigue (penat) untuk me-



Dr Mohd Rohaizat Hassan

ngamalkan SOP.

“Pemimpin juga perlu memainkan peranan untuk memberi penerangan kepada rakyat bahawa kita tak boleh jangka pandemik ini akan berakhir dalam tempoh terdekat,” katanya.

Seorang lagi pakar epidemiologi, Prof Madya Dr Mohd Rohaizat Hassan turut menyuarakan pandangan sama selain menjelaskan trend penurunan kes baharu dijangka tidak berlaku dalam tempoh terdekat.

Beliau yang juga Ketua Jabatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, ia

berikutan penularan COVID-19 dalam kalangan masyarakat menjangkau skop lebih luas, berbanding sebelum ini.

“Trend penularan pada gelombang pertama dan kedua agak berbeza kerana jangkitan ketika itu dalam kluster yang sedikit, justeru lebih cepat dan mudah untuk diatasi, berbanding keadaan semasa,” katanya.

Dr Mohd Rohaizat turut mencadangkan pendekatan pendidikan dan promosi kesihatan dipertingkatkan menerusi kaedah lebih kreatif dan berkesan termasuk psikologi berbalik bagi menangani golongan ingkar SOP.

“Saya tak tolak kemungkinan rakyat sudah mula letih berdepan situasi ini, selain muak dengan perkembangan politik semasa menyebabkan mereka ingkar SOP, tetapi masyarakat tidak boleh putus asa.

“Kita perlu teguh dengan usaha kerajaan dan Kementerian Kesihatan bagi menangani cabaran pandemik ini. Kini bukan masa untuk menuding jari salahkan sesiapa, sebaliknya semua pihak perlu bersolidariti melawan COVID-19 kerana vaksin virus ini masih belum ditemui,” katanya.

Mengulas perkara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pada sidang media semalam, yakin gelombang ketiga COVID-19 dapat dibendung jika semua pihak memberi kerjasama mematuhi prosedur operasi standard (SOP) untuk mengekang penularan wabak.

Unjuran itu, katanya, disandarkan kepada keupayaan negara sebelum ini yang pernah melandaikan lengkung jangkitan ketika gelombang kedua jika semua pihak dapat memainkan peranan sebaik mungkin, sekali gus mengurangkan kadar kebolehjangkitan atau R-naught (R0).